

NOTA PADAT SIRAH UPKK

EDISI RUMI

NAMA :

KELAS :

SEKOLAH :



NOTA PADAT SIRAH UPKK EDISI RUMI INI BERPANDUKAN KURIKULUM STANDARD KAFA JAKIM 2.0

SUMBER RUJUKAN UTAMA:

1. Buku Teks Sirah Tahun 1 KAFA JAKIM
2. Buku Teks Sirah Tahun 2 KAFA JAKIM
3. Buku Teks Sirah Tahun 3 KAFA JAKIM
4. Buku Teks Sirah Tahun 4 KAFA JAKIM
5. Buku Teks Sirah Tahun 5 KAFA JAKIM

Semoga nota ini memberi manfaat kepada semua calon yang akan menduduki Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK)

آمين يا رب العالمين

Disclaimer : Sebahagian 'formula ingat sirah' diambil juga daripada guru-guru lain.
Penghargaan dan ucapan terima kasih kepada :

- ➡ <https://t.me/channelBBMustazahSyabinar>
- ➡ <https://t.me/titipanUPKKustazahAzizah>
- ➡ <https://t.me/sirahchannel>



❑ Kehidupan masyarakat Arab Jahiliyah sebelum kelahiran Nabi Muhammad :-

▪ SIKAP

- 1) Suka pergaduan
- 2) Suka pembunuhan dan peperangan
- 3) Hidup berpecah-belah/عَصَبِيَّة
- 4) Berebut harta dan kuasa

▪ AMALAN DAN KEPERCAYAAN

- 1) Menyembah berhala
- 2) Menilik Nasib
- 3) Bunuh anak perempuan

SEJARAH KETURUNAN NABI MUHAMMAD SAW

Baginda berasal daripada keturunan Nabi Ismail A.S

Baginda berbangsa Arab Quraish

Baginda dilahirkan di Mekah, pada hari Isnin, 12 Rabiul Awwal Tahun Gajah

Baginda mendapat gelaran الأَمِين dalam peristiwa perletakan الحجر الأسود

Baginda mempunyai akhlak yang baik seperti jujur, amanah, adil dan pemaaf

Sifat wajib bagi Rasulullah :

1. صِدْق (benar)
2. أَمَانَة (jujur)
3. تَبْلِيغ (menyampaikan)
4. فَطَانَة (bijaksana)

Tahun kelahiran Rasulullah disebut tahun gajah kerana berlaku peristiwa tentera bergajah datang ke Mekah untuk meruntuhkan Kaabah.

Rasulullah lahir sebagai anak yatim kerana bapa baginda, Abdullah bin Abdul Muthalib meninggal dunia ketika baginda masih dalam kandungan ibunya.

Datuk baginda, Abdul Muthalib sangat gembira dengan kelahiran baginda dan membawa baginda ke Kaabah. Beliau memberi nama MUHAMMAD.

Nama 'MUHAMMAD' membawa maksud YANG TERPUJI. Nama tersebut belum pernah digunakan oleh masyarakat arab ketika itu.

Baginda mempunyai 2 orang ibu susuan iaitu ثَوَيْبَةُ الْأَسْلَمِيَّةُ dan حَلِيمَةُ السَّعْدِيَّةُ.

Ibu Rasulullah, Aminah meninggal dunia ketika baginda berusia 6 tahun.

Baginda dijaga oleh datuknya, Abdul Muthalib sehingga usia 8 tahun. Selepas datuknya meninggal dunia, baginda dijaga pula oleh bapa saudaranya, أَبُو ظَالِبٍ.



Usia 9 tahun

Baginda mula berniaga bersama bapa saudaranya, **Abu Thalib**.


Usia 12 tahun

Baginda mengikut Abu Thalib berniaga ke negeri **Syam**.

Usia 25 tahun

- Baginda **mengetuai rombongan** dagangan milik Saidatina Khadijah ke Syam, ditemani oleh مَيْسَرَةٌ (pembantu lelaki Saidatina Khadijah).
- Baginda **berkahwin** dengan Saidatina Khadijah yang pada ketika itu berusia **40 tahun**. Beza umur mereka **15 tahun**.

NASAB KETURUNAN RASULULLAH SAW



berkahwin

خَدِيجَةُ

مَارِيَةُ الْقِبْطِيَّةُ

1 الْقَاسِمُ

2 عَبْدُ اللَّهِ

3 زَيْنَبُ

4 رُقِيَّة

5 أُمُّ كُلْثُومَ

6 فَاطِمَةُ

MARI MENYANYI

Anak-anak nabi ada 7 orang,
3 lelaki 4 Perempuan,
Pertama **Qasim, Abdullah, Ibrahim,**
Zainab, Ruqaiyah, Ummu Kalsum,
Fatimah.

Ibunya bernama **Siti Aminah,**
Ayahnya bernama **Abdullah,**
Datuknya bernama **Abdul Muthalib,**
Pak ciknya bernama **Abu Thalib.**

7 إِبْرَاهِيمُ

Semua anak nabi bersama Saidatina Khadijah lahir di Mekah. Hanya Ibrahim yang dilahirkan di Madinah.

ustazahsyahirah
@kskbj_phg
PECUTAN 9A UPKK

- Anak-anak lelaki Rasulullah kesemuanya meninggal dunia ketika masih kecil.
- Anak-anak perempuan Rasulullah hidup ketika baginda dilantik menjadi rasul. Kesemua mereka berhijrah ke Madinah.

Qasim merupakan anak lelaki sulung Rasulullah. **القَاسِم** juga nama gelaran baginda. Qasim dilahirkan sebelum Rasulullah dilantik menjadi rasul dan meninggal dunia ketika berusia 2 tahun (sebelum kenabian baginda)

Abdullah dipanggil **الطَّيِّب** dan **الطَّاهِر**. Beliau dilahirkan ketika nabi dilantik menjadi nabi.

Ibrahim adalah anak lelaki hasil perkongsian dengan **Mariyah Al-Qibtiyah**. Umurnya tidak panjang kerana meninggal dunia ketika berusia 70 hari @ 7 bulan mengikut riwayat yang lain.

Zainab merupakan anak perempuan sulung Rasulullah. Zainab telah berkahwin dengan **أَبُو الْقَاصِ بْنِ الرَّبِيع**. Mereka dikurniakan seorang anak lelaki bernama **علي**. Ali telah meninggal dunia ketika kanak-kanak. Selepas itu, Zainab dikurniakan anak perempuan yang bernama **أُمَامَة**. Rasulullah pernah menggendong Umamah sewaktu kecil sambil mendirikan solat.

Ruqaiyah telah berkahwin dengan **سَيِّدِنَا عُثْمَانُ بْنُ عَفَّانَ**. Mereka dikurniakan seorang anak lelaki bernama **عَبْدُ اللَّهِ**. Ruqaiyah meninggal dunia ketika tentera Islam menang dalam perang Badar.

Fatimah merupakan anak perempuan bongsu Rasulullah. Fatimah berkahwin dengan **سَيِّدِنَا عَلِيٌّ بْنُ أَبِي طَالِبٍ**. Mereka dikurniakan 3 anak lelaki iaitu **حُسَيْنٌ**, **حَسَنٌ**, dan **مُحْسِنٌ**. Namun **Muhsin** meninggal dunia ketika masih kanak-kanak. Mereka juga memiliki 2 orang anak perempuan iaitu **أُمُّ كُلْثُومٌ** dan **زَيْنَبٌ**.

Selepas kematian Ruqaiyah, **Ummu Kalsum** pula telah berkahwin dengan **سَيِّدِنَا عُثْمَانُ بْنُ عَفَّانَ**. **Perkahwinan** Saidina Uthman dengan 2 orang puteri Rasulullah menyebabkan beliau mendapat gelaran **ذُو النُّوْرَيْنِ** (yang mempunyai dua cahaya mata)

KEPENTINGAN INSTITUSI KEKELUARGAAN DALAM KEHIDUPAN

- ✓ Ingin Zuriat
- ✓ Mengeratkan kasih sayang
- ✓ Kemuliaan akhlak dan peribadi
- ✓ Keselamatan sosial terjamin

Cucu dan Menantu Rasulullah SAW

Melodi : Assalamualaikum (Omar dan Hana) - lirik telah diubahsuai ~ KREDIT SIRAH CHANNEL

Nabi ada cucu
Jumlahnya lapan orang
Hasil perkahwinan
Anak perempuan baginda
Ruqaiyah dan Uthman
Melahirkan Abdullah

Zainab dan Abu Al-'As
Dapat Ali dan Umamah
Fatimah dan Ali
Lima semuanya
Hassan, Hussin, Muhsin,
Zainab dan Ummu Kalsum



Apakah itu وَحْيٌ?

وَحْيٌ ialah kalam Allah yang disampaikan kepada para nabi dan rasul.

PERISTIWA AWAL KENABIAN

- Rasulullah mula **berkhalwat** (mengasingkan diri) di Gua Hira' ketika berusia **38 tahun**.
- Baginda melihat cahaya terang-benderang.
- Baginda mendengar suara tanpa diketahui dari mana dan daripada siapa.

PERISTIWA NABI MUHAMMAD SAW MENERIMA WAHYU PERTAMA

BERLAKU PADA HARI ISNIN

17 RAMADAN BERSAMAAN
6 OGOS 610 MASIHI

DI GUA جَبَلِ الثَّوْر - PUNCAK جَزَاء
SETINGGI 642 METER YANG
TERLETAK 3.2KM DARI MEKAH

KETIKA NABI BERUSIA 40
TAHUN

MENERIMA WAHYU
DARIPADA ALLAH MELALUI
MALAIKAT JIBRIL

SURAH الْعَلَق
AYAT 1 HINGGA 5

PERISTIWA SELEPAS NABI MUHAMMAD SAW MENERIMA WAHYU PERTAMA

- Nabi Muhammad pulang ke rumah dalam keadaan **runsing** dan **keletihan**.
- Baginda meminta Saidatina Khadijah untuk **menyelimutkannya**.
- Saidatina Khadijah membawa baginda bertemu dengan **sepupunya** yang bernama **وَرَقَّةُ بْنُ نَوْفَلٍ**.
- Waraqah bin Naufal merupakan seorang lelaki tua yang **beragama Nasrani ketika zaman jahiliah** yang mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang kitab **Injil**.



- Baginda menceritakan peristiwa yang dilalui semasa di Gua Hira'.
- Waraqah memberitahu bahawa yang menemui baginda adalah **Malaikat Jibril**. Waraqah **sanggup dimusuhi** jika berkesempatan berjuang bersama baginda kerana dia tahu semua rasul akan dimusuhi. Namun, tidak lama kemudian beliau meninggal dunia.
- Baginda terus beribadah di Gua Hira' sambil mengharapkan Malaikat Jibril membawa wahyu yang baharu. Namun setelah beberapa bulan, wahyu masih belum diturunkan kepada baginda.
- **Selepas 6 bulan**, Rasulullah terdengar **suara dari langit** lantas baginda ternampak Malaikat Jibril.
- Baginda berasa **takut** lalu segera pulang ke rumah dan meminta isterinya **menyelimutkannya**.
- Maka Allah menurunkan wahyu kepada baginda menerusi **surah المُدَّثِّر**, **ayat 1 dan 2** yang bermaksud, "Wahai orang yang berselimut! Bangunlah dan berilah peringatan!"
- Ayat ini memerintahkan baginda supaya **menyeru manusia beriman hanya kepada Allah**.
- Dengan penurunan wahyu kali ini, maka Nabi Muhammad telah diangkat **daripada seorang nabi menjadi seorang rasul**.

KEPENTINGAN
MEMBACA
DALAM
KEHIDUPAN



☐ Wahyu Pertama

- Surah Al-Alaq (ayat 1-5)
- ~ Nabi Muhammad diangkat menjadi seorang nabi.

☐ Wahyu Kedua

- Surah Al-Muddassir (ayat 1-7)
- ~ Nabi Muhammad diangkat menjadi seorang rasul.

Kamus Maksud :

- **Al-Alaq** : **Segumpal Darah**
- **Al-Muddassir** : **Orang Yang Berselimut**

Meningkatkan kecerdasan akal dan mencergaskan memori

Melahirkan generasi berpendidikan tinggi dan berinovatif

Meningkatkan kecerdasan akal dan mencergaskan memori

Meningkatkan penguasaan bahasa dan cara berkomunikasi

Malaikat Jibril menyuruh / Rasulullah membaca dan memeluk baginda sebanyak 3 kali sebelum mengajarkan baginda membaca Surah Al-Alaq.

TAHUKAH ANDA?



PERANAN SEBAGAI ISTERI

- ✓ **Menenangkan Rasulullah** ketika menerima wahyu pertama.
- ✓ **Membenarkan ajaran Islam** yang dibawa oleh baginda tanpa ragu-ragu.
- ✓ **Mengorbankan hartanya** untuk dakwah suaminya.
- ✓ **Komited dan sempurna** dalam melakukan kebaikan.
- ✓ **Melahirkan zuriat Nabi Muhammad** seramai 6 orang.
- ✓ **Menjadi isteri yang** sangat baik, setia, jujur dan tabah.

PERANAN SEBAGAI SAHABAT

- ✓ **Membawa baginda** bertemu Waraqah bin Naufal selepas peristiwa wahyu pertama.
- ✓ **Menghantar wakil** untuk melihat keadaan Rasulullah di Gua Hira'.

Isteri-isteri Rasulullah digelar *Ummahatul Mukminin* (Ibu-ibu kepada orang-orang beriman). Saidatina Khadijah binti Khuwailid merupakan *Ummul Mukminin* yang pertama dalam Islam.

TAHUKAH
ANDA?

PERANAN SEBAGAI KEKASIH

- ✓ Tidak pernah rasa jemu walau sering ditinggalkan oleh Rasulullah.
- ✓ **Menyantuni** baginda dengan penuh **kasih sayang** dan **kemesraan**.
- ✓ **Sentiasa bersama** baginda **waktu senang dan susah** (contoh : sewaktu **pemulauan** terhadap orang Islam **selama 3 tahun**.)
- ✓ **Memberi dorongan** kepada baginda untuk bersabar dalam berdakwah.
- ✓ **Meringankan kesedihan hati** dan **menghilangkan keletihan** Rasulullah ketika berdakwah.
- ✓ **Sanggup memilih hidup bersusah payah** demi melihat Islam terus berkembang.

PERANAN SEBAGAI PEMBANTU

- ✓ **Menghadihkan hambanya** iaitu **زَيْدُ بْنُ حَارِثَةَ** kepada Rasulullah kerana melihat baginda begitu senang dan selesa apabila bersama Zaid. Rasulullah lantas menjadikan Zaid bin Harisah sebagai **anak angkat** baginda.
- ✓ Menjadi **manusia pertama memeluk Islam** dan **yang pertama solat** di belakang Rasulullah bersama Saidina Ali.
- ✓ **Membantu menyebarkan Islam**
- ✓ **Setia** di sisi baginda saat dicaci dan dihina.

Kata Bidalan : **Sehari selembar benang lama-lama menjadi kain.**

Maksudnya : **Tekun dan sabar membuat sesuatu kerja akhirnya memperoleh kejayaan.**



- ❖ Nabi Muhammad kerap berulang alik ke Gua Hira' selama 6 bulan kerana mahu mengasingkan diri daripada melihat sikap buruk dan jahat masyarakat arab jahiliah.
- ❖ Setelah menerima wahyu, baginda mula menyebarkan dakwah Islam.

GOLONGAN PERTAMA YANG MEMELUK ISLAM

WANITA PERTAMA MEMELUK ISLAM (ISTERI RASULULLAH)

SAIDATINA KHADIJAH BINTI KHUWAILID

LELAKI PERTAMA MEMELUK ISLAM (SAHABAT KARIB RASULULLAH)

SAIDINA ABU BAKAR AS-SIDDIQ

KANAK-KANAK PERTAMA MEMELUK ISLAM (SEPUPU RASULULLAH)

SAIDINA ALI BIN ABI THALIB

HAMBA PERTAMA MEMELUK ISLAM (HAMBA KHADIJAH)

ZAID BIN HARISAH



Golongan terawal yang memeluk Islam
Wanita pertama Saidatina Khadijah
Lelaki dewasa Abu Bakar As-Siddiq
Kanak-kanak Saidina Ali
Hamba Zaid bin Harisah

SAHABAT-SAHABAT YANG MEMELUK ISLAM MELALUI SAIDINA ABU BAKAR



Formula Ingat 1

U	<u>U</u> thman bin Affan
S	<u>S</u> aad bin Abi Waqas
T	<u>T</u> alhah bin Ubaidillah
A	<u>A</u> bdul Rahman bin Auf
Z	<u>Z</u> ubair bin Awwam
A	<u>A</u> l-Arqam Bin Abi Al-Arqam



Formula Ingat 2

<u>S</u> aya	- <u>S</u> aad bin Abi Waqas
<u>T</u> engok	- <u>T</u> alhah bin Ubaidillah
<u>U</u> nta	- <u>U</u> thman bin Affan
<u>A</u> rnab	- <u>A</u> l-Arqam bin Abi Al-Arqam
<u>A</u> da di	- <u>A</u> bdul Rahman bin Auf
<u>Z</u> oo	- <u>Z</u> ubair bin Awwam

DUA CARA RASULULLAH BERDAKWAH :-

- ❖ SECARA RAHSIA
- ❖ SECARA TERBUKA



DAKWAH SECARA RAHSIA

❖ Surah **الْمُذْتَر** ayat 1-7.

- Disampaikan kepada **ahli keluarga terdekat** dan **sahabat-sahabat rapat sahaja**.
- Dijalankan selama **3 tahun**.
- Berpusat di **Darul Arqam (pusat pengajaran Islam pertama)** iaitu **rumah sahabat** yang bernama **Al-Arqam bin Abi Al-Arqam**.

DAKWAH SECARA TERBUKA

❖ Surah **الشُّعْرَاء** ayat 214.

- ❑ **Seruan terbuka kepada keluarga terdekat kali pertama.**
- ❑ Menjemput **45 orang** ahli keluarga yang paling rapat iaitu dari kalangan **Bani Hasyim dan Bani Abdul Manaf**.
- ❑ Tujuannya **untuk memperkenalkan dan menyampaikan ajaran Islam**.
- ❑ Malangnya, dakwah Rasulullah **dibantah oleh أَبُو لَهَب**.
- ❑ Baginda mengadakan **pertemuan kali kedua untuk berterus terang** menyatakan bahawa **baginda adalah seorang rasul** utusan Allah yang membawa kebenaran.
- ❑ Namun sekali lagi **dibantah dan dihalang oleh Abu Lahab**.

❖ Surah **الْحَجَر** ayat 89.

- ❑ Berlakunya peristiwa **dakwah secara terbuka di Bukit صَفَا**.
- ❑ Kali ini, baginda **mendapat sokongan** daripada bapa saudaranya, **Abu Thalib**. Baginda **memanggil semua penduduk Mekah berkumpul** di Bukit Safa untuk menyampaikan dakwah secara terbuka.
- ❑ **Abu Lahab menentang dakwah baginda**. Baginda tidak menjawab bantahan itu dan hanya **mendiamkan diri** sehingga Allah menurunkan **Surah الْمَسَد** sebagai tanda **melaknat perbuatannya** yang sering menghalang baginda.

FORMULA
INGAT
SURAH

Dakwah Secara RAHSIA

- ✓ Ringgit Malaysia = RM (**R**ahsia - **M**uddassir)

Dakwah Secara TERBUKA

- ✓ Tunas Kadet Remaja Sekolah
= TKRS (**T**erbuka - **K**eluaRga - **S**yu'ara')
- ✓ Tabung Haji = TH (**T**erbuka - **H**ijr)



AKHLAK RASULULLAH KETIKA BERDAKWAH

Menunaikan amanah
yang diperintahkan
oleh Allah

Bijak bertindak dalam
menyelesaikan
masalah

Sentiasa tenang
dalam tindakan

Menghormati orang
yang lebih tua

Sabar dalam
berdakwah



Info Tambahan : Suku Kaum Penduduk Mekah

- | | |
|-----------------------------|---------------------------|
| 1. Bani عَبْدِ الْمُطَّلِبِ | 3. Bani عَبْدِ الْمَنَافِ |
| 2. Bani فَهْرٍ | 4. Bani عَدِيٍّ |

1. PERISTIWA DAN STRATEGI DAKWAH SAHABAT KE HABSYPH

- Hanya melibatkan **sebahagian umat Islam** sahaja.
- **Rasulullah tidak ikut** berhijrah ke Habsyah.
- Tercetusnya penghijrahan ini setelah seorang **hamba bernama كَعْب** berjumpa baginda mengadu dirinya diseksa kerana beriman kepada Allah.
- **Allah memberi ilham** kepada baginda untuk memerintahkan umat Islam **berhijrah ke Habsyah**.
- Penghijrahan umat Islam ke Habsyah terjadi **sebanyak 2 kali**.

KALI PERTAMA	KALI KEDUA
Berlaku kerana umat Islam diseksa	Berlaku kerana kaum Muslimin dipulaukan oleh Musyrikin
Penghijrahan secara sulit@sembunyi yang di ketuai oleh Saidina Uthman bin Affan dan isterinya Ruqaiyah binti Muhammad (anak perempuan Rasulullah)	Diketuai oleh Jaafar bin Abi Thalib (sepupu Rasulullah dan juga abang kepada Saidina Ali bin Abi Thalib)
16 orang • 11 Lelaki • 5 Perempuan	101 Orang • 83 Lelaki • 18 Perempuan
Mereka disambut dan diberi layanan yang sangat baik oleh Raja Habsyah iaitu راج النجاشي	

Tahukah Anda??

حَبْشَة adalah sebuah negeri yang terletak di selatan tanah arab dan dipisahkan oleh Laut Merah. Kini, Habsyah dikenali sebagai **ايتيوقيا (EUTHOPIA)**.

• KAFAR •
ustazahsyahirah
@kskbj_phg

PECUTAN 9A UPKK

▪ REAKSI KAUM MUSYRIKIN

- ✓ **Terkejut** dengan penghijrahan umat Islam ke Habsyah.
- ✓ Mereka **risau** Islam akan **tersebar** di sana.
- ✓ Pembesar Musyrikin menghantar 2 orang **utusan** ke Habsyah iaitu : -
 - 1) **Amru bin Al-'As** (عَمْرُو بْنُ الْعَاصِ)
 - 2) **Abdullah bin Abi Rabiah** (عَبْدُ اللَّهِ بْنُ أَبِي رَبِيعَةَ)
- ✓ Mereka membawa pelbagai **cenderamata sebagai hadiah** untuk Raja Habsyah.
- ✓ Sebagai **balasan**, mereka meminta **kaum Muslimin dikembalikan** semula ke Mekah.
- ✓ Mereka **memfitnah kaum Muslimin** di hadapan Raja Habsyah dengan mendakwa kaum Muslimin telah membawa satu agama yang bertentangan serta memecah belahkan keharmonian penduduk Mekah.
- ✓ Sebagai raja yang adil, Raja An-Najasyi meminta ketua rombongan Muslimin iaitu **Jaafar bin Abi Thalib** untuk memberi **penjelasan**.
- ✓ Setelah mendengar penjelasan Jaafar, Raja An-Najasyi merasakan Islam itu sama seperti agama yang dibawa Nabi Isa.
- ✓ Baginda meminta utusan **kaum Musyrikin pergi dari istana** serta **memulangkan semula hadiah** pemberian mereka yang baginda anggap sebagai **rasuah**. **Helah** kaum musyrikin akhirnya **gagal**.
- ✓ **Kaum Muslimin** pula **dilindungi dan hidup aman** di bawah pemerintahan Raja An-Najasyi yang **adil dan baik**.



Mari kenali Habsyah
(Euthopia)





2. PERISTIWA DAKWAH RASULULLAH SAW KE TAIF

- ❑ Keadaan kaum Muslimin **semakin tertindas**.
- ❑ Pelbagai **ancaman, ejekan, cercaan dan seksaan** dilakukan oleh kaum Musyrikin terhadap kaum Muslimin.
- ❑ **Keselamatan Nabi Muhammad** juga **sentiasa terancam** setelah **Abu Thalib**, bapa saudara baginda **meninggal dunia**.
- ❑ Kesedihan Rasulullah atas pemergian Abu Thalib, bapa saudara baginda bertambah pilu apabila tanpa diduga insan yang sentiasa menjadi tulang belakang perjuangan dakwah baginda iaitu **Saidatina Khadijah**, isteri baginda yang tercinta pula **meninggal dunia**.
- ❑ **Kehilangan dua insan yang tersayang** disisi memberi kesan yang mendalam kepada baginda.
- ❑ Pada **Syawal tahun ke-10 kenabian (619 Masihi)**, baginda **berhijrah ke Taif** yang terletak **100km dari Mekah**.
- ❑ Dakwah ke Taif **ditemani** oleh orang suruhan baginda iaitu **Zaid bin Harisah**.
- ❑ Mereka **berjalan kaki** ke sana.
- ❑ Setiap kali **berselisih dengan kabilah-kabilah**, baginda akan berdakwah.
- ❑ Namun, **tiada** seorang pun yang beriman.
- ❑ Baginda **tetap cekat** dan **tidak berputus asa**.

PETA LALUAN HIJRAH
RASULULLAH KE TAIF



- ❑ Di Taif, baginda bertemu dengan 3 orang adik-beradik iaitu :

- عَبْدُ يَالِيلِ بْنِ عَمْرٍو بْنِ عُمَيْرِ التَّقْفِيِّ
- مَسْعُودُ بْنُ عَمْرٍو بْنِ عُمَيْرِ التَّقْفِيِّ
- حُبَيْبُ بْنُ عَمْرٍو بْنِ عُمَيْرِ التَّقْفِيِّ

- ❑ Mereka ialah anak kepada

عَمْرٍو بْنِ عُمَيْرِ التَّقْفِيِّ

dari Bani Tsaqif iaitu kabilah terbesar di Taif.


- ❑ Mereka menolak dakwah nabi dan menghina baginda dengan kata-kata kesat.



Tahukah anda cabaran yang dilalui nabi ketika di Taif?



PECUTAN 9A UPKK



CABARAN DI TAIIF

- ❑ Usaha dakwah tetap diteruskan namun tiada siapa yang mahu menerimanya.
- ❑ **Setelah 10 hari** berlalu, Nabi Muhammad SAW dan Zaid bin Harisah **dihala** keluar oleh para pembesar Taif.
- ❑ Mereka **mengupah kanak-kanak** dan **hamba-hamba** untuk **membaling batu** dan **menghina** baginda dan Zaid bin Harisah.
- ❑ **Baginda luka dan cedera** walaupun telah dilindungi oleh Zaid bin Harisah dengan badannya.
- ❑ Mereka berdua **berlindung** di sebuah **para pokok anggur**.
- ❑ Baginda bersandar keletihan dan kesakitan sambil mengesat darah yang mengalir pada lukanya.
- ❑ **Baginda sedih** atas **keengganan penduduk Taif** menerima Islam lantas berdoa menyerahkan segala-galanya kepada Allah.
- ❑ Gerak-geri baginda diperhatikan oleh **عُثْبَةُ بْنُ نَشِيبَةَ**, **pemilik** ladang anggur tersebut.
- ❑ Beliau **berasa kasihan** kepada Rasulullah lalu menyuruh seorang **hambanya** yang bernama **عَدَّاسُ**, seorang lelaki beragama **Nasrani** untuk memberikan **segugus anggur dan minuman** kepada baginda serta Zaid bin Harisah.
- ❑ Addas **kagum** dengan perlakuan Rasulullah apabila baginda **membaca بِسْمِ اللَّهِ** **sebelum makan**.
- ❑ Addas memberitahu baginda bahawa dia **tidak pernah mendengar** penduduk kampungnya (**Kampung Ninawa**) menyebut kalimah itu.
- ❑ Rasulullah lantas memberitahu Addas bahawa di Kampung Ninawa dahulu terdapat seorang yang soleh bernama **يُونُسُ بْنُ مَتَّى** (**Nabi Yunus**) yang juga seorang rasul sama seperti baginda.
- ❑ Addas **memeluk nabi** serta **mencium kedua tangan baginda**.
- ❑ Selepas itu, Rasulullah bersama Zaid meneruskan perjalanan pulang ke Mekah.
- ❑ Tiba-tiba, **Malaikat Jibril** datang membawa perintah Allah untuk **menghancurkan penduduk Taif**. Rasulullah **memohon** supaya penduduk Taif **tidak dihukum** kerana mereka tidak tahu apa-apa. Baginda juga pasti, suatu hari nanti **mereka pasti akan beriman kepada Allah**.
- ❑ **Ketibaan baginda** di Mekah disambut dengan **ejekan dan cacian** yang semakin menjadi-jadi. Namun, baginda **tidak marah** tetapi terus **berusaha** menjadikan Islam sebagai pegangan mereka.



3. PERISTIWA DAN STRATEGI HIJRAH RASULULLAH SAW KE مَدِينَة @ يَثْرِب

- Kaum Musyrikin merancang untuk **membunuh** Rasulullah.
- Turunlah **wahyu** melalui Malaikat Jibril yang memerintahkan Rasulullah untuk **berhijrah ke Yathrib**.
- Baginda pergi menemui **Saidina Abu Bakar As-Siddiq** untuk menyusun perancangan yang rapi bersama-sama.
- Baginda meminta **Saidina Ali tidur di katil baginda** untuk mengelirukan musuh.
- Sebelum sempat Nabi Muhammad keluar, **rumah baginda dikepung**.
- Baginda **menggenggam tanah** dan membaca **surah يسّ ayat 9**.
- Baginda **berdoa** agar dapat melepasi kepungan.
- Kuasa Allah, semua **musuh tertidur** dengan nyenyak setelah baginda **melemparkan tanah yang digenggam** itu ke arah mereka.
- Maka, bermulalah penghijrahan Rasulullah ke Yathrib bersama sahabat karib baginda, Saidina Abu Bakar As-Siddiq pada **malam 27 Safar tahun ke 14 kenabian** sebelum terbitnya matahari.
- Mereka **bersembunyi di Gua Thur (ثُور) selama 3 hari**.
- Kaum Musyrikin gagal menemui mereka disebabkan **perkara-perkara ganjil** yang merupakan **bantuan** daripada Allah seperti :-

Labah-labah
membuat sarang
pada pintu gua

Sarang burung
merpati di tepi
pintu gua

Pokok-pokok
kecil tumbuh di
sekitar gua

- Hadiah lumayan berupa **100 ekor unta** ditawarkan kepada sesiapa yang berjaya menangkap Nabi Muhammad.
- Setelah keadaan kembali reda dan tenang, Rasulullah dan Saidina Abu Bakar meneruskan perjalanan dengan dipandu oleh **Abdullah bin Uraiqit**.
- Abdullah bin Uraiqit membawa mereka melalui jalan yang **agak mencabar** dan **jarang dilalui** oleh kebanyakan orang.
- Perjalanan semakin mencabar dengan **cuaca yang panas terik**.
- Ia memakan masa selama **7 hari untuk tiba di Yathrib**.
- Dalam perjalanan ke sana, seorang musyrikin yang bernama **شُرَاقَة بن مَالِك** berjaya **menemui jejak** mereka tetapi **tidak berjaya menangkap baginda**.



ORANG YANG TERLIBAT DALAM PENGHIJRAHAN RASULULLAH KE MADINAH

01

عَبْدُ اللَّهِ بْنُ أُرَيْقُطٍ →

Penunjuk jalan menuju ke Madinah

02

عَبْدُ اللَّهِ بْنُ أَبِي بَكْرٍ →

Pemberi maklumat pergerakan musuh kepada Rasulullah.

03

أَسْمَاءُ بِنْتُ أَبِي بَكْرٍ →

Menghantar makanan kepada Rasulullah dan Saidina Abu Bakar.

04

عَامِرُ بْنُ قُهَيْرَةَ →

Menutup jejak Abdullah dan Asma' dengan kambing gembalaannya. Membekalkan susu.

- **8 Rabiul Awwal Tahun ke-14 Kenabian**, Rasulullah tiba di **قُبَاء**.
- Baginda telah singgah di rumah **كَلْثُومُ بْنُ الْهَذَمِ** dan **tinggal di Quba' selama 4 hari (Isnin - Khamis)**.
- Di Quba', baginda telah membina sebuah masjid yang diberi nama **Masjid Quba'** yang merupakan **masjid pertama** dalam sejarah Islam.

NABI MUHAMMAD TIBA DI YATHRIB (MADINAH)

- **Pada 12 Rabiul Awwal Tahun ke-14 kenabian**, selepas solat Jumaat Rasulullah **memasuki Kota Yathrib**.
- Suasana sangat **meriah** dengan suara **anak-anak orang Ansar** mendendangkan rangkap-rangkap **puisi "ظَلَعَ الْبَذْرُ عَلَيْنَا"** tanda kegembiraan atas kehadiran baginda ke bumi Yathrib.
- Kaum Ansar **berebut-rebut memegang tali unta Rasulullah** untuk mengajak tinggal bersama mereka setiap kali baginda melalui rumah mereka.
- Rasulullah berkata, "Biarkan unta ini berjalan kerana ia berjalan atas perintah Allah." Akhirnya, **unta itu berhenti** di hadapan rumah **أَبُو أَيُّوبَ الْأَنْصَارِيِّ** **di Kampung Bani An-Najjar**.
- Nabi Muhammad tinggal di sini dan bermulalah kegemilangan Islam di serata tempat.
- Baginda juga menukar nama **YATHRIB kepada MADINAH** yang bererti bandar.



PENGERTIAN PERIBADI MULIA RASULULLAH



PERIBADI

Sifat yang telah
sebati dalam diri
seseorang

MULIA

Luhur, terhormat dan
tinggi budi pekerti

CONTOH PERIBADI MULIA RASULULLAH SAW

01

Mendahului ucapan
salam ketika bertemu
seseorang

06

Mengelak daripada
memandang sesuatu
yang buruk

02

Berlapang dada dan
bersabar

07

Memanggil seseorang
dengan gelaran yang
mereka sukai

03

Menjauhi perkara-
perkara yang dilarang
dalam syariat

08

Adil, bercakap benar,
amanah sehingga
digelar Al-Amin

04

Bermurah hati
memberi pertolongan.

09

Sentiasa bersifat
tawaddhuk
(merendah diri)

05

Sangat berani dan
tabah menghadapi
sesuatu perkara

10

Beriltizam dengan janji
dan tidak pernah
memungkirinya



Nama YATHRIB telah ditukar kepada
MADINAH AL-MUNAWWARAH
yang bermaksud BANDAR YANG
BERCAHAYA



Kedudukan
Madinah
yang
terletak
di
bahagian
utara
Mekah



PENGERTIAN MUKJIZAT

Perkara luar biasa yang dikurniakan Allah kepada para nabi dan rasul

TUJUAN MUKJIZAT

1. Memperkuat lagi seruan dakwah para nabi dan rasul
2. Membuktikan kebenaran seruan Islam itu adalah dari Allah
3. Melemahkan dan mengalahkan tentangan musuh terhadap Islam

CONTOH MUKJIZAT NABI MUHAMMAD

1. Al-Quran
2. Bulan Terbelah Dua
3. Keluar Air Dari Celah-Celah Jari
4. Peristiwa Israk dan Mikraj

• AL-QURAN •

- ✓ Pengertian : Kalam Allah yang diwahyukan kepada Rasulullah melalui perantaraan Malaikat Jibril.
- ✓ Merupakan kitab suci yang terakhir diturunkan oleh Allah.

4 Kitab Suci :-
Zabur, Taurat,
Injil dan
Al-Quran

ustazahsyahirah
@kskbj_phg

PECUTAN 9A UPKK

Latar Belakang Al-Quran

- ❑ Mukjizat Nabi Muhammad yang **paling agung**.
- ❑ Diturunkan secara **beransur-ansur** dalam tempoh **23 tahun**.
- ❑ **13 tahun di Mekah** dan **10 tahun di Madinah**.
- ❑ Menurut ahli Kufah, ayat Al-Quran berjumlah **6236 ayat**.
- ❑ Mempunyai **114 surah** dan **30 juzuk**.
- ❑ Diturunkan dalam **Bahasa Arab**.
- ❑ **Sentiasa terpelihara** dalam jagaan Allah dan **kekal sehingga hari kiamat**.

Al-Quran Sebagai Mukjizat

- ❑ Allah mengurniakan mukjizat sesuai **mengikut zaman**.
- ❑ Pada zaman Nabi Muhammad, **masyarakat Arab gemar bersastera**.
- ❑ Mereka **suka mencipta kata-kata puisi indah** dan mempunyai maksud tersirat.
- ❑ Al-Quran adalah suatu mukjizat yang dipenuhi kata-kata indah.
- ❑ Terdapat ayat Al-Quran yang berkali-kali **mencabar** masyarakat Arab supaya mencipta ungkapan -ungkapan bagi **menandingi kehebatan Al-Quran**.
- ❑ Namun, **tiada siapa dapat menandinginya**.

Ciri-Ciri Mukjizat Al-Quran

KEHEBATAN BAHASA AL-QURAN

- Kesusasteraan Bahasa Arab dan susunan ayat bermutu tinggi
- Hanya boleh difahami oleh orang yang membaca dan mengkajinya

MENCERITAKAN PERKARA-PERKARA GHAIB

- Perkara ghaib seperti dosa, pahala, syurga dan neraka
- Keimanan kepada Allah, malaikat, hari kiamat dan sebagainya

SUMBER BERBAGAI-BAGAI JENIS ILMU PENGETAHUAN

- Ilmu akidah, syariah, akhlak, sains, perubatan, astronomi dan sebagainya


AYAT AL-QURAN TERPELIHARA

- Terpelihara dan dijamin tanpa sebarang bentuk perubahan sehingga hari kiamat



Tahukah anda?
Al-Quran diturunkan pada
bulan Ramadan di malam yang
dikenali sebagai malam
Lailatul Qadar

Ahli Kufah
adalah ahli
Al-Quran di
Iraq



Al-Quran Sebagai Wahyu

TAHAP PERTAMA	TAHAP KEDUA	TAHAP KETIGA
DARIPADA ALLAH KE لَوْحٌ مَّحْفُوظٌ	DARI LUH MAHFUZ كَهَيْثُ الْعِزَّةِ DI LANGIT DUNIA	DARI BAITUL IZZAH DI LANGIT DUNIA KEPADA NABI MUHAMMAD SAW
Tiada seorang pun yang tahu berapa lama dan bagaimana bentuk kewujudan wahyu di Luh Mahfuz kecuali Allah	Al-Quran diturunkan sekali gus pada satu malam sahaja iaitu malam Lailatul Qadar di bulan Ramadan	Penurunannya secara beransur-ansur mengikut kesesuaian waktu dan sebab melalui perantaraan Malaikat Jibril

• BULAN TERBELAH DUA •

- ✓ Peristiwa ini adalah satu mukjizat Nabi Muhammad untuk **membuktikan kerasulan** baginda kepada kaum Musyrikin.
- ✓ Ia berlaku **5 tahun sebelum** baginda berhijrah ke Madinah.
- ✓ Kisahnya, suatu hari kaum Musyrikin Mekah **mencabar baginda** supaya membuktikan tentang kebenaran Al-Quran.
- ✓ Mereka mahu sesuatu yang **luar biasa** iaitu bulan dibelah.
- ✓ Nabi Muhammad **berdoa kepada Allah** supaya menunaikan permintaan kaum Musyrikin itu.
- ✓ Allah **mengabulkan doa** baginda untuk **membelah bulan** dan **meletakkannya di tempat yang berlainan** (جَبَلُ قُعَيْقَعَانَ dan جَبَلُ قُبَيْسٍ)
- ✓ Kaum Musyrikin **terkejut** bukan kepalang.
- ✓ Namun, mereka **tetap tidak beriman** kepada Allah malah **menuduh** baginda sebagai **ahli sihir**.
- ✓ Kisah ini diceritakan di dalam Al-Quran, **Surah الْقَمَر ayat 1 hingga 5**.

• KELUAR AIR DARI CELAH-CELAH JARI RASULULLAH •

- Peristiwa ini **berlaku ketika ketiadaan air** sewaktu hendak mendirikan solat **fardu asar**.
- Baginda meminta **sebekas air** lalu **mencelup jarinya**.
- Dengan kuasa Allah, **keluarlah air dari celah-celah jari** baginda.
- Semua orang **dapat berwuduk** dengan sempurna.
- Rasulullah melakukan perkara yang sama ketika peristiwa **Perjanjian Hudaibiyah** di mana semua muslimin dalam **keadaan dahaga dan perlu berwuduk**.



• PERISTIWA ISRAK DAN MIKRAJ •

إِسْرَاءُ: Perjalanan Nabi

Muhammad pada waktu malam dari
Masjidil Haram (Mekah) ke
Masjidil Aqsa (Palestin)

مِغْرَاج: Perjalanan Nabi

Muhammad dari Masjidil Aqsa
(Palestin) ke Sidratul Muntaha
dengan menaiki Buroq (بُرَاق)

- Peristiwa ini berlaku pada malam 27 Rejab bersamaan 621 Masihi.
- Dalam peristiwa ini, Malaikat Jibril dan Malaikat Mikail telah membelah dada Rasulullah untuk dibersihkan dan disucikan hati baginda dengan air zam-zam agar dapat diisi dengan ilmu dan iman.
- Baginda yang ditemani Malaikat Jibril dimikrajkan dari Baitul Maqdis ke langit yang paling dekat.
- Malaikat Jibril memberi salam dan meminta izin supaya pintu langit dibuka.
- Baginda memasukinya dan bergerak dari langit pertama hingga ke langit ketujuh setelah dibenarkan oleh malaikat yang menjaganya.

PARA NABI YANG DITEMUI OLEH RASULULLAH SAW

MARI MENYANYI

Melodi : Lagu Tema Maal Hijrah "Satu Muharam Detik Permulaan"

Nabi bertemu nabi yang terdahulu,
Di langit pertama bertemu Nabi Adam,
Langit kedua Nabi Yahya dan Isa,
Langit ketiga bertemu Nabi Yusuf,
Langit keempat bertemu Nabi Idris,
Langit kelima bertemu Nabi Harun,
Langit keenam bertemu Nabi Musa,
Langit ketujuh bertemu Nabi Ibrahim.

Tahukah anda?

Peristiwa Israk Mikraj ini
adalah suatu pujukan @
motivasi daripada Allah
kepada Rasulullah setelah
menghadapi kesedihan
disebabkan kehilangan
Saidatina Khadijah dan Abu
Thalib serta keengganan
penduduk Mekah dan Taif
beriman kepada Allah



ustazahsyahirah
@kskbj_phg

PECUTAN 9A UPKK

IBADAH SOLAT DIFARDUKAN

- ❖ Solat telah difardukan ketika peristiwa Israk dan Mikraj.
- ❖ Pada **awalnya**, solat difardukan sebanyak **50 waktu sehari semalam**.
- ❖ Ketika Nabi Muhammad **dalam perjalanan pulang**, baginda telah **bertemu dengan Nabi Musa**.
- ❖ Nabi Musa meminta Nabi Muhammad untuk memohon kepada Allah supaya **mengurangkan bilangan waktu solat** demi ummat baginda.
- ❖ Nabi Muhammad memohon kepada Allah dan **permohonan tersebut diterima** sehingga bilangan waktu solat berkurang menjadi **5 waktu sehari semalam**.
- ❖ Nabi Musa meminta Nabi Muhammad memohon kepada Allah untuk **mengurangkan lagi** bilangan waktu solat namun, Nabi Muhammad berkata baginda **malu untuk meminta lagi**.
- ❖ Baginda menerima ketetapan solat fardu 5 waktu sehari semalam sebagai satu **perintah daripada Allah**.

PERISTIWA-PERISTIWA YANG BERLAKU SEMASA ISRAK MIKRAJ

- ❖ Rasulullah telah diperlihatkan berbagai-bagai kejadian yang menjadi satu **peringatan kepada seluruh umat manusia**.
- ❖ Baginda melihat pelbagai jenis **azab ahli neraka** akibat **dosa** yang telah dilakukan serta pelbagai jenis **nikmat syurga** yang terlalu indah dan tidak pernah terlintas dalam akal fikiran manusia.
- ❖ Antara peristiwa yang berlaku semasa Israk dan Mikraj adalah :-

1

Baginda dapat melihat **wajah Malaikat Malik**, penjaga neraka. Wajahnya **tidak pernah senyum** dan **amat menggerunkan**.

2

Baginda menyaksikan **pemakan harta anak yatim**. **Mulut mereka dibuka seluas-luasnya** dan **dilontar ketulan api neraka** tanpa henti dan akan **keluar melalui dubur mereka**.

3

Baginda melihat seksaan **lelaki pezina**. Mereka **memakan daging yang busuk** sedangkan daging yang segar dihidangkan tidak dimakan.

4

Baginda melihat seksaan bagi orang yang **meninggalkan solat**. Mereka sentiasa **memecahkan kepala tanpa henti**.

Solat
adalah
ibadah wajib
pertama
yang
disyariatkan
kepada umat
Islam

ustazahsyahirah
@kskbj_phg
PECUTAN 9A UPKK

MARI MENYANYI

Melodi : Lagu Nenek Si Bangkok Tiga

Malaikat Malik tak pernah senyum,
Pemakan harta anak-anak yatim,
Mulut dilontar ketulan api neraka,
Keluar melalui dubur mereka.

Lelaki penzina makan daging busuk,
Orang yang tinggal solat pecahkan kepala,
Itulah peristiwa dalam Israk Mikraj,
Diperlihatkan kepada baginda.

- ❖ Setelah itu baginda **pulang semula** ke Mekah **sebelum waktu Subuh**.
- ❖ **Baginda menceritakan** peristiwa ini kepada **para sahabat** di hadapan **Kaabah**.
- ❖ **Saidina Abu Bakar** mempercayai dan membenarkan setiap cerita yang disampaikan oleh Nabi Muhammad itu. Beliau diberi gelaran **الصِّدِّيق** kerana **membenarkan setiap kata-kata** Rasulullah.
- ❖ Kemudian, peristiwa itu disampaikan kepada **kaum Musyrikin** pula.
- ❖ Namun, **mereka tidak percaya** dan tergolong dalam golongan yang kufur dan sesat.

HIKMAH DAN KELEBIHAN MUKJIZAT RASULULLAH SAW

- 1 Menunjukkan kepada semua manusia tentang kekuasaan Allah
- 2 Dapat membezakan antara Rasulullah dengan orang awam
- 3 Hanya dianugerahkan kepada nabi dan rasul sahaja
- 4 Dikurniakan mengikut kesesuaian sesuatu peristiwa
- 5 Meningkatkan keimanan kaum Muslimin kepada Allah dan Rasulullah
- 6 Menarik perhatian kaum Musyrikin terhadap kekuasaan Allah
- 7 Membuktikan Islam adalah agama yang benar dan patut dianuti

Perjalanan Israk dan Mikraj menunjukkan betapa **Allah Maha Berkuasa** untuk menjadikan sesuatu yang tidak dapat digambarkan dengan akal fikiran. Umat Islam **wajib bergantung** hanya kepada Allah. Peristiwa ini memberi pengajaran supaya terus **memperkuhkan hubungan dengan Allah** melalui ibadah yang disyariatkan.



PEPERANGAN PERTAMA	PERANG BADAR (بَدْر)
MASA	17 Ramadan 2 Hijrah
TEMPAT	Lembah Badar (kawasan rendah antara Mekah dan Madinah)
SEBAB PERANG	• Melemahkan ekonomi musuh • Menggantikan harta orang Islam yang dirampas • Mengembangkan Islam
KETUA PERANG	Islam : Rasulullah SAW
	Kafir : Abu Jahal bin Hisyam (أَبُو جَهْلُ بْنُ هِشَامٍ)
BILANGAN TENTERA TERLIBAT	Islam : 313 orang • 82 Muhajirin • 231 Ansor (61 Aus, 170 Khazraj)
	Musyrikin : 1 000 orang
STRATEGI	• الخُبَابُ بْنُ الْمُنْذِرِ mencadangkan : ✓ Berkhemah dekat dengan mata air yang paling hampir dengan pihak lawan ✓ Timbuskan mata air lain yang ada dibelakangnya ✓ Bina kolam dan penuhkannya dengan air (untuk bekalan air) • سَعْدُ بْنُ مُعَاذٍ mencadangkan : ✓ Membuat sebuah pondok sebagai markas tentera Islam dan tempat perlindungan Rasulullah. - jika tewas baginda boleh pulang ke Madinah dengan selamat dan dapat meneruskan dakwah Islam
PERTOLONGAN ALLAH	• Pada malam sebelum peperangan, Allah menurunkan hujan yang sangat lebat di khemah tentera Musyrikin - menyukarkan pergerakan mereka • Hujan turun renyai-renyai di khemah tentera Islam - dapat membersihkan tubuh, memadatkan dan meratakan tanah, mengeraskan pasir, menstabilkan pijakan kaki • 1000 Malaikat
BILANGAN TENTERA TERKORBAN	Islam : 14 orang (6 Muhajirin, 8 Ansar)
	Musyrikin : 70 orang termasuk Abu Jahal - 70 orang ditawan
KEPUTUSAN	Islam : Menang
	Musyrikin : Kalah

PENYELESAIAN ISU TAWANAN PERANG BADAR

- Tawanan kaya membayar tebusan bermula 4000 dirham. Boleh dikurangkan kepada 1000 dirham ikut kemampuan.
- Jika tidak mampu tetapi pandai membaca dan menulis hendaklah mengajar 10 orang kanak-kanak Madinah membaca dan menulis sehingga pandai.
- Bagi yang miskin dan tidak pandai membaca dan menulis, mereka dibebaskan dengan syarat berjanji tidak akan menyerang orang Islam lagi.



PENGAJARAN PERANG BADAR

Penyebaran agama Islam perlu diteruskan untuk membina kekuatan umat Islam

Kemenangan dalam peperangan bukan bergantung kepada kuantiti atau kelengkapan persenjataan sahaja tetapi juga dicapai dengan kekuatan iman dan pertolongan Allah

Bermesyuarat sebelum membuat keputusan adalah satu tindakan yang terbaik untuk mencapai kejayaan

Merancang strategi sebelum peperangan adalah penting dalam menegakkan kebenaran

Berdoa serta bertawakal kepada Allah merupakan senjata yang berkesan untuk menghadapi musuh Islam

Doa Rasulullah dalam Perang Badar

"Ya Allah, tunaikanlah apa yang Engkau janjikan kepadaku. Ya Allah, datangkan apa yang Engkau janjikan kepadaku. Ya Allah, jika pasukan Islam yang berjumlah sedikit ini musnah, nescaya tidak ada lagi orang yang akan menyembahMu di muka bumi ini."



PETA
PERANG
BADAR

KAFAN
ustazahsyahirah
@kskbj_phg
PECUTAN 9A UPKK

PEPERANGAN KEDUA	PERANG UHUD (أُحُد)
MASA	Syawal 3 Hijrah
TEMPAT	Bukit Uhud yang terletak 3 kilometer dari Madinah
SEBAB PERANG	Musyrikin ingin membalas dendam terhadap kekalahan mereka dalam perang badar kerana ia merupakan keaiban yang tidak boleh dibiarkan tanpa pembelaan
KETUA PERANG	Islam : Rasulullah SAW
	Kafir : Abu Sufyan bin Harb (أَبُو سُفْيَانَ بْنِ حَرْبٍ)
BILANGAN TENTERA TERLIBAT	Islam : 1 000 orang • 700 orang yang sampai di Bukit Uhud dan berperang • 300 orang berpatah balik ke Madinah
	Musyrikin : 3 000 orang termasuk 200 orang tentera wanita yang diketuai هِنْدُ بِنْتُ عُثْبَةَ, isteri kepada Abu Sufyan bin Harb - tentera wanita dibawa bersama untuk menaikkan semangat tentera musyrikin untuk berperang dan membalas dendam
STRATEGI	• Rasulullah menerima berita Madinah akan diserang daripada utusan الْعَبَّاسُ بْنُ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ • Baginda dan para sahabat bersetuju keluar dari Madinah dan berperang di Bukit Uhud • Baginda membahagikan tentera Islam kepada 3 bahagian : ➢ Kaum Muhajirin diketuai oleh مُضْعَبُ بْنُ عُمَيْرٍ ➢ Kaum Aus diketuai oleh أُسَيْدُ بْنُ حُصَيْنٍ ➢ Kaum Khazraj diketuai oleh الْخَبَّابُ بْنُ الْمُنْذِرِ • Rasulullah menempatkan 3 Posisi tentera Islam iaitu : ✓ 50 orang pemanah di atas bukit diketuai جَابِرُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ ✓ Pasukan sayap kanan diketuai oleh مُنْذِرُ بْنُ عَمْرٍو ✓ Pasukan sayap kiri diketuai oleh زُبَيْرُ بْنُ الْعَوَّامِ - ditugaskan untuk melawan pasukan berkuda musyrikin yang diketuai oleh خَالِدُ بْنُ الْوَلِيدِ
HALANGAN	Pengkhiranatan عبدالله بن أبي (Ketua Orang Munafik) • Beliau menghasut tentera Islam (untuk menimbulkan kegelisahan dan kekacauan) sehingga menyebabkan seramai 300 orang daripadanya berpatah balik ke Madinah dan tidak ikut berperang

SIAPAKAH أَبُو دُجَانَةَ؟

Dalam perang Uhud, Abu Dujanah adalah orang yang **menyahut cabaran** Rasulullah untuk **menghayunkan pedang** yang tajam ke tubuh musuh sehingga **bengkok**. Beliau seorang yang berani dan sangat tangkas di medan perang. Beliau mempunyai **ikatan kepala berwarna merah**, memberi isyarat apabila beliau memakainya orang ramai akan tahu bahawa dia akan **berperang sampai mati**. Setelah mengambil pedang itu daripada baginda, beliau terus mengikat kain merahnya dan berjalan dengan tangkas di antara dua barisan menuju ke medan perang.



PEPERANGAN KEDUA	PERANG UHUD
BILANGAN TENTERA TERKORBAN	Islam : 70 orang termasuk bapa saudara Rasulullah, حَفْزَةُ بْنُ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ (dibunuh oleh وَحْشِي بْنِ حَزْبٍ iaitu hamba kepada جُبَيْرِ بْنِ مُطْعِمٍ) -Isteri Abu Sufyan, Hindun binti Utbah menebuk perutnya, mengambil hatinya dan dikunyah lalu diluahkan kembali kerana tidak dapat menelannya
	Musyrikin : 32 orang termasuk أَبِي بَنِي حَلْفٍ . Beliau dibunuh oleh Rasulullah kerana beliau hendak membunuh baginda. Beliau juga merupakan satu-satunya manusia yang dibunuh oleh Rasulullah sepanjang hayat baginda
KEPUTUSAN	Islam : Kalah
	Musyrikin : Menang

FAKTOR KEKALAHAN TENTERA ISLAM DALAM PERANG UHUD

- **Pasukan pemanah** dikuasai sifat **cintakan harta** setelah melihat tentera Islam yang lain **mengumpul harta** **غَنِيمَةً**.
- **40 orang pemanah turun** dari bukit ke tengah pasukan tentera Islam untuk sama-sama mengumpul harta ghanimah sedangkan **Rasulullah melarang mereka turun** dari bukit **walaupun apa pun terjadi**.
- Benteng perlindungan tentera Islam menjadi **lumpuh**.
- Hanya ketua pemanah, **Abdullah bin Jabir bersama 9 orang pemanah** yang lain teguh di kedudukan masing-masing.
- **Khalid bin Al-Walid, ketua pasukan berkuda musyrikin tidak mensia-siakan peluang** keemasan ini.
- Dia berpatah balik dengan cepat dan dapat berada di belakang tentera Islam.
- Kemudian, dia **membunuh Abdullah bin Jabir dan anggota pasukannya**.
- Selepas itu, dia **menyerang** tentera Islam **dari belakang** lalu **menjerit dengan kuat** sehingga tentera musyrikin yang telah kalah tadi mengetahui **ada perkembangan terbaru** dan mereka **berpatah balik menyerang tentera Islam**.
- Pasukan pemanah telah melakukan **kesalahan besar** yang menyebabkan situasi berubah secara keseluruhan.
- Kesalahan tersebut mengakibatkan **kerugian besar** bagi tentera Islam malah menyebabkan **Rasulullah hampir terbunuh**.
- Kesalahan ini meninggalkan **kesan paling buruk** kepada tentera Islam.



RASULULLAH SAW PANGlima YANG BERANI

- Ketika baginda dikejutkan dengan serangan Khalid bin Al-Walid, baginda hanya mempunyai **2 pilihan** iaitu :
 - 1) Baginda **menyelamatkan diri bersama 9 sahabat** dan **membiarkan tentera Islam dikepung** oleh tentera musyrikin.
 - 2) Baginda **membahayakan diri sendiri** dengan **memanggil beberapa orang sahabat** untuk berkumpul di sekeliling baginda untuk **membentuk barisan hadapan yang kuat** bagi membolehkan **pasukan yang terkepung dapat bergerak** sampai ke dataran Bukit Uhud.
- Baginda **memutuskan pilihan kedua** walaupun sedar yang **tentera musyrikin** pasti akan **mendengar laungan baginda** sebelum tentera Islam mendengarnya.
- Mendengar laungan Rasulullah, tentera musyrikin terus **melancarkan serangan** dan berlaku pertempuran sengit.
- **Para sahabat** dengan penuh keberanian dan rasa kecintaan **melindungi Rasulullah**.
- Pasukan musyrikin menyerang Rasulullah dan **ingin membunuh baginda**.
- **عُثْبَةُ بْنُ أَبِي وَقَّاصٍ** **melemparkan batu** ke arah baginda sehingga baginda **jatuh dan terluka**.
- Maka **tersebarlah khabar angin** yang mengatakan **Rasulullah telah terbunuh**.
- Berita itu telah **melemahkan semangat** para sahabat yang dikepung.
- Keadaan ini menyebabkan tentera Islam menjadi **kucar-kacir**.
- Tetapi berita itu juga telah **mengurangkan serangan** tentera musyrikin **terhadap tentera Islam** kerana mereka menyangka matlamat mereka telah tercapai dengan terbunuhnya Rasulullah.
- Dalam keadaan kucar-kacir itu, baginda mampu **membelah jalan** menuju ke pasukan tentera Islam yang dikepung sehingga baginda dapat bergabung bersama-sama mereka.
- Rasulullah **bersama 30 orang sahabat** mengambil langkah **berundur** secara teratur menuju ke **jalan gunung**.
- Keberanian Rasulullah membolehkan tentera Islam sampai ke tempat selamat serta **membuka jalan** bagi **pasukan yang tertinggal** di belakang untuk bergabung bersama mereka.
- Akhirnya, semua tentera Islam dapat berhimpun di atas gunung dengan **selamat**.



PENGAJARAN PERANG UHUD

Orang yang bertaqwa
akan dibantu Allah

Sabar dan redha
merupakan kunci
kejayaan

Hindari sifat tamak
kerana ia merugikan

Berjuang kerana Allah
adalah peluang keemasan
bagi orang yang beriman

Patuh kepada arahan
ketua selagi tidak
bertentangan dengan
ajaran Islam

Kebijaksanaan dan
keberanian amat penting
ketika berhadapan
dengan ujian

PETA
PERANG
UHUD



غَنِيْمَةٌ
BERMAKSUD
HARTA
RAMPASAN
PERANG

KAF
ustazahsyahirah
@kskbj_phg
PECUTAN 9A UPKK

PEPERANGAN KETIGA	PERANG KHANDAK (خَنْدَق) - PARIT @ PERANG AHZAB (أَحْزَاب) - BERSEKUTU
MASA	Syawal 5 Hijrah
TEMPAT	Madinah
SEBAB PERANG	Kaum yahudi Bani Nadhir telah diusir keluar dari Madinah setelah mereka mengkhianati Piagam Madinah. ➤ Ketua Bani Nadhir berjumpa dan berunding dengan Kaum Quraisy, Kaum Yahudi dan kabilah-kabilah Arab yang lain untuk menyerang Madinah.
KETUA PERANG	Islam : Rasulullah SAW
	Tentera Ahzab : Abu Sufyan bin Harb (أَبُو سُفْيَانَ بْنِ حَرْبٍ)
BILANGAN TENTERA TERLIBAT	Islam : 3 000 orang
	Tentera Ahzab : 10 000 orang (gabungan tentera Kaum Quraisy, Yahudi dan kabilah-kabilah Arab)
STRATEGI	• سَلْمَانَ الْفَارِسِيِّ mencadangkan supaya digali parit di sekeliling Kota Madinah sebagai benteng pertahanan. • 10 orang setiap kumpulan diarah menggali parit tersebut. • Parit digali dari arah utara Madinah kerana kawasan disebelah utara Madinah sahaja bebas daripada kawasan tanah berbatu dan pergunungan serata kebun-kebun kurma penduduk Madinah.
PERTOLONGAN ALLAH	• Allah telah mengirinkan نُعَيْمَ بْنَ مَسْعُودٍ - Beliau telah memeluk Islam secara sulit. Beliau ditugaskan untuk memecah-belahkan tentera ahzab. Beliau bergerak dari satu puak ke puak yang lain dan berjaya membuatkan orang Yahudi, Musyrikin Mekah dan kabilah arab saling tidak mempercayai antara satu sama lain. • Allah menghantar tentera berupa angin kencang yang telah memusnahkan semua khemah, kelengkapan perang dan keperluan tentera ahzab • Selepas itu, Allah menghantar pasukan berupa malaikat untuk menggoncang dan melemparkan rasa takut ke dalam hati tentera ahzab • Mereka tidak dapat bertahan lalu segera berundur
BILANGAN TENTERA TERKORBAN	Islam : Tiada
	Tentera Ahzab : 1 orang (عَمْرُو بْنُ عَبْدِ وَدٍّ - dibunuh oleh Saidina Ali bin Abi Thalib)
KEPUTUSAN	Islam : Menang
	Musyrikin : Kalah

TAHUKAH ANDA?

PIAGAM MADINAH MERUPAKAN PERJANJIAN SECARA BERTULIS YANG PERTAMA DI DUNIA. PERKATAAN PIAGAM MEMBAWA ERTI PERLEMBAGAAN, PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG.



MUKJIZAT RASULULLAH SAW

- ❖ **Jabir bin Abdullah** melihat Rasulullah mengalami kelaparan yang teramat sangat. Dia bertindak **menyembelih seekor biri-biri**.
- ❖ Sementara **isterinya menumbuk satu bekas gandum** untuk dimasak.
- ❖ Setelah itu, Jabir menjemput Rasulullah dan beberapa orang sahabat untuk makan **secara senyap**.
- ❖ Baginda meminta Jabir supaya **tidak mengangkat periuk dari dapur sehingga baginda datang**.
- ❖ Rasulullah menjemput **semua sahabat** yang terlibat menggali parit iaitu seramai **1 000 orang untuk makan**.
- ❖ Mereka makan sehingga kenyang.
- ❖ Namun begitu, periuk bekas daging **masih tetap dipenuhi** dengan daging dan adunan untuk membuat roti **masih ada** seperti sebelumnya.

PERJALANAN TENTERA AHZAB TERHALANG

- ❖ Setelah sampai di Madinah, tentera ahzab **terkejut** melihat parit **sepanjang 5 000 hasta** yang dalam dan luas menghalang perjalanan mereka untuk memasuki Madinah.
- ❖ Mereka mengambil keputusan untuk **mengepung** dan melakukan percubaan untuk memasuki Kota Madinah namun gagal kerana dihujani **anak panah** tentera Islam.
- ❖ Berlaku **sedikit pertempuran** antara tentera Islam dan tentera ahzab apabila kuda tentera ahzab **dapat melepasi parit yang paling sempit**.
- ❖ Saidina Ali bin Abi Thalib dan beberapa orang pemuda **dapat menghalang** mereka.
- ❖ **Saidina Ali** berjaya **membunuh Amru bin Abdu Wud** menyebabkan tentera ahzab lari keluar melalui parit.
- ❖ Setelah hampir **15 hari** tentera ahzab melakukan kepungan, **bekalan makanan** penduduk Madinah semakin **berkurangan**.
- ❖ Rasulullah **berdoa** memohon pertolongan Allah agar **memusnahkan tentera ahzab**.
- ❖ Bantuan Allah berupa **angin kencang** dan **malaikat** telah memberi kemenangan buat tentera Islam.



KEJAYAAN TENTERA ISLAM

- ❖ Perang Khandak merupakan pertempuran yang **paling kritikal** dalam sejarah Islam.
- ❖ Ini kerana orang **Yahudi Bani Quraizah** secara terbuka membuat pengumuman **memutuskan perjanjian** dengan Rasulullah.
- ❖ Keadaan ini menyebabkan kedudukan orang Islam **terancam** dan mengundang bahaya besar kerana **tentera ahzab mengepung di hadapan mereka dan di belakang pula terdedah kepada serangan Bani Quraizah**.
- ❖ Namun, dengan kebijaksanaan Rasulullah dan pertolongan Allah kesukaran itu dapat diatasi.
- ❖ Peperangan ini menyebabkan **perpecahan dan rasa rendah diri** dalam kalangan kaum Musyrikin.
- ❖ Peperangan ini juga membuktikan bahawa gabungan kabilah arab dan yahudi **tidak mampu mengalahkan** kekuatan orang Islam Madinah.

PENGAJARAN PERANG KHANDAK

Berkongsi rezeki membawa keberkatan

Kejayaan datang daripada usaha yang gigih

Berfikiran terbuka dalam menerima pendapat orang lain

Berhati-hati terhadap musuh yang tidak diketahui

Orang Islam akan menjadi kuat jika bersatu padu

Berpegang kepada janji asas kepada hubungan sesama manusia



PETA PERANG
KHANDAK

ustazahsyahirah
@kskbj_phg

PECUTAN 9A UPKK

RINGKASAN DAN FORMULA PERANG

1



2



	BADAR	UHUD	KHANDAK
KETUA	RASULULLAH		
ISLAM	313	1 000	3 000
KAFIR	1 000	3 000	10 000
KETUA	ABU JAHAL	ABU SUFYAN	

3

TENTERA TERKORBAN	BADAR	UHUD	KHANDAK
ISLAM	14	70	0
KAFIR	70	32	1



PERJANJIAN HUDAIBIYAH

Berlaku pada
bulan **Zulkaedah**
6 Hijrah di
Hudaibiyah

Perjanjian damai
antara Rasulullah
dengan Musyrikin
Mekah

Rasulullah
bersama isteri
baginda, **Ummu
Salamah** dan
1500 orang
sahabat bertolak
ke Mekah

Umat Islam
gembira
mendengar berita
itu kerana
merek rasa
rindu untuk
melihat Kaabah

Rasulullah
bermimpi masuk
Masjidil Haram,
ambil anak kunci
Baitullah dan
bersama-sama
sahabat tunaikan
umrah

Mereka tidak
membawa senjata
kecuali **senjata**
bagi pengembara
dan pedang
bersarung

Binatang korban
dibawa tanda niat
merek datang
ke Mekah untuk
mengerjakan
umrah **bukannya**
berperang

Rasulullah dan
para sahabat
berhenti
di **ذُو الْحُلَيْفَةِ** untuk
berniat umrah

Rombongan
Rasulullah **masuk**
melalui jalan lain
untuk mengelak
daripada
bertembung
dengan tentera
Khalid

Khalid bin Al-
Walid bersama
200 tenteranya
cuba menghalang
Rasulullah dari
memasuki Mekah
di **كَرَاغُ الْعَمِيمِ**

Kedatangan
merek diketahui
oleh Musyrikin
lalu **merek**
dihalang dari
memasuki Mekah

FORMULA INGAT :

1. Maksud Perjanjian Hudaibiyah = Polis Di Raja Malaysia (**PDRM**)

P = Perjanjian
D = Damai antara
R = Rasulullah dengan
M = Musyrikin Mekah

2. Bila berlaku? Ingat **ZuHud6**
Zu = Zulkaedah / Hud = Hudaibiyah / 6 = 6 Hijrah

كَرَاغُ الْعَمِيمِ
ialah jalan
utama
memasuki
Mekah



BAI'AH AR-RIDHWAN

- ❑ Ia merupakan perjanjian antara Rasulullah dengan orang Islam yang mengikut rombongan ke Mekah.
- ❑ Ia berlaku di Hudaibiyah ketika Rasulullah berhenti di bawah sepohon pokok lalu baginda dikunjungi oleh **بَدِيلُ بْنُ وَرْقَاءَ** yang merupakan pengantara antara baginda dengan Musyrikin Mekah. Beliau menyampaikan pesanan Rasulullah kepada Musyrikin Mekah.
- ❑ Pihak Musyrikin Mekah mengutuskan **عُرْوَةَ بْنِ مَسْعُودٍ** untuk memastikan niat sebenar rombongan Islam itu.
- ❑ Rasulullah pula mengutuskan Saidina Uthman bin Affan menemui Musyrikin Mekah untuk menerangkan tujuan kedatangan mereka.
- ❑ Malangnya, Saidina Uthman ditahan beberapa hari sehingga tersebar berita tentang kematiannya.
- ❑ Ketika berita tersebut didengari oleh Rasulullah, Baginda bersabda, "Kita tidak akan berganjak sehingga kita memerangi kaum tersebut."
- ❑ Lalu baginda mengajak orang Islam untuk berjihad dan mati syahid di jalan Allah.
- ❑ Mereka berbai'ah (sumpah setia) di bawah sepohon pokok dan berjanji tidak akan lari dari medan perang dan berjuang sehingga ke titisan darah yang terakhir.
- ❑ Bai'ah inilah yang dinamakan **بَيْعَةُ الرِّضْوَانِ**

TERMETERAI PERJANJIAN HUDAIBIYAH

- ❑ Musyrikin Mekah berasa sangat bimbang setelah mengetahui berita tentang Bai'ah Ar-Ridhwan.
- ❑ Mereka mengambil keputusan untuk membebaskan Saidina Uthman.
- ❑ Mereka menghantar **شَهِيلُ بْنُ عَمْرٍو** untuk membuat perjanjian dengan Rasulullah.
- ❑ Lalu, termeterailah Perjanjian Hudaibiyah.
- ❑ Walaupun perjanjian ini telah tercapai, ramai sahabat baginda tidak dapat menerima isi kandungan perjanjiannya terutama Saidina Umar Al-Khattab kerana perjanjian ini tidak adil kepada umat Islam dan memihak kepada Musyrikin Mekah.
- ❑ Namun, perjanjian ini hakikatnya memberi faedah yang sangat besar kepada orang Islam.



FORMULA INGAT PERJANJIAN HUDAIBIYAH

MARI MENYANYI

Melodi : Lagu Cinta Sampai Mati (Raffa) - lirik telah diubahsuai ~ kredit SIRAH CHANNEL

Kisah Perjanjian Hudaibiyah

Satu perjanjian perdamaian

Antara Rasulullah

Dengan Musyrikin Mekah

Zulkaedah 6 Hijrah

Rasul~sahabat berbaiah Ar-Ridhwan

Tersebar kematian Saidina Uthman

Ingin menuntut bela

Musyrikin gusar

Satu perjanjian terbina

HIKMAH PERJANJIAN HUDAIBIYAH

Musyrikin Mekah tidak lagi mengganggu usaha dakwah

Islam tersebar luas di sepanjang tanah arab

Mewujudkan suasana aman antara Kerajaan Islam Madinah serta kawasan sekitarnya

Ramai pembesar Quraisy memeluk Islam secara terang-terangan seperti 'Amru bin Al-'As dan Khalid bin Al-Walid

Musyrikin Mekah secara langsung menerima Kerajaan Islam Madinah dan Rasulullah sebagai pemimpinnya

Rasulullah mengikat perjanjian dengan kabilah arab sekitarnya termasuklah Bani حُرَّاعَة

Kandungannya

- ① Gencatan senjata 10 tahun
- ② Tahun itu Islam tidak boleh umrah
Umrah tahun berikutnya
- ③ Orang Quraisy
Yang lari ke Madinah perlu dipulangkan
- ④ Orang Islam lari ke Mekah tak perlu pulang
- ⑤ Bebas membuat perjanjian
Dengan sesiapa saja

PENGAJARAN PERJANJIAN HUDAIBIYAH

01

Kesepakatan penting dalam menegakkan kebenaran

02

Dakwah mesti dilaksanakan dengan cara berhemah

03

Islam menganjurkan perdamaian kepada semua pihak


04

Tolong-menolong sesama Islam tidak kira susah atau senang

05

Strategi perang yang baik juga faktor kemenangan

Isi Perjanjian Hudaibiyah ditulis oleh Saidina Ali bin Abi Thalib



PEMBUKAAN KOTA MEKAH

Bagaimanakah peristiwa
Pembukaan Kota Mekah
terjadi?



Tahukah anda?
دية ialah pampasan atau
ganti rugi atas kehilangan
nyawa atau kecederaan

1. Kabilah Bani Bakar dan Kabilah Bani Khuza'ah telah bermusuhan sejak zaman jahiliah. Bani Khuza'ah telah mengikat perjanjian dengan Rasulullah manakala Kabilah Bani Bakar mengikat perjanjian dengan Musyrikin Mekah

2. Berdasarkan Perjanjian Hudaibiyah, kedua-dua kabilah ini tidak boleh berperang selama 10 tahun. Tetapi, tanpa menghiraukan apa yang telah dipersetujui itu, Bani Bakar telah menyerang Bani Khuza'ah

3. Musyrikin Mekah pula telah membantu Bani Bakar dengan menghantar tentera dan senjata secara sulit pada malam hari. Beberapa orang Bani Khuza'ah telah terbunuh dalam peperangan itu.

4. Bani Khuza'ah telah menghantar عَمْرُو بْنُ سَالِمٍ الْخَزَائِي untuk memaklumkan kejadian itu kepada Rasulullah. Peperangan ini bermaksud Kaum Musyrikin telah melanggar Perjanjian Hudaibiyah.

5. Rasulullah amat marah dengan tindakan Musyrikin Mekah lalu menghantar utusan untuk mengemukakan 3 pilihan kepada mereka iaitu :-

- Membayar دية kepada waris Bani Khuza'ah
- Batalkan perjanjian dengan Bani Bakar
- Terbatal Perjanjian Hudaibiyah dan berperang dengan Islam

Kaum Musyrikin Mekah terasa kewibawaan mereka tercabar lalu memilih untuk berperang dengan orang Islam

STRATEGI RASULULLAH

Pada 10 Ramadan tahun 8 Hijrah, Rasulullah bersama 10000 tentera Islam bergerak ke Mekah.

Mereka berhenti di مَرَّالْظَهْرَان. 10000 unggun api dinyalakan supaya musuh berasa gerun.

Ia berjaya melemahkan semangat musuh. Abu Sufyan meninjau pasukan tentera Islam.

Beliau berasa kekuatan tentera Islam sangat luar biasa dan tidak mungkin dapat menewaskan mereka.

- ❑ Kemudian Abu Sufyan terserempak dengan Al-Abbas bin Abdul Muthalib yang baru memeluk Islam.
- ❑ Setelah mendengar penjelasan Al-Abbas, Abu Sufyan terbuka hati untuk menerima Islam.
- ❑ Lalu Al-Abbas membawanya menemui Rasulullah dan akhirnya Abu Sufyan memeluk Islam.

ustazahsyahirah
@kskbj_phg
PECUTAN 9A UPKK

- ❑ Rasulullah menghargai pengislaman Abu Sufyan dengan memberi jaminan keselamatan kepada penduduk Mekah.
- ❑ Mereka akan selamat sekiranya berada di tempat berikut :

Sesiapa yang masuk rumah Abu Sufyan

Sesiapa yang masuk Masjidil Haram

Sesiapa yang masuk rumah sendiri dan tutup pintu rapat-rapat

- ❑ Pengisytiharan tersebut telah menggemparkan Musyrikin Mekah dan mereka semakin lemah untuk menentang Rasulullah.

• TINDAKAN RASULULLAH SETELAH BERJAYA MEMASUKI KOTA MEKAH •

Memusnahkan 360 buah berhala yang terdapat di sekeliling Kaabah

Melakukan tawaf di Kaabah dan mengucup Hajarul Aswad

Menunaikan solat sunat di Maqam Ibrahim sebanyak lapan rakaat

Mengarahkan Bilal bin Rabah melaungkan azan di atas bumbung Kaabah

Menyampaikan khutbah pertama kepada penduduk Mekah

Mengisytiharkan kemaafan kepada semua penduduk Mekah

FAKTOR KEJAYAAN PEMBUKAAN KOTA MEKAH

Ramai **pembesar** dan **panglima Quraisy** telah **memeluk Islam**

Kesatuan tentera di bawah panji Islam tanpa mengira perbezaan suku kaum dan kabilah

Persaudaraan yang kukuh membolehkan mereka bekerjasama melakukan semua strategi yang dirancang oleh Rasulullah

Kepatuhan tentera kepada arahan Rasulullah tanpa bantahan seperti pasukan Zubair bin Al-Awwam yang masuk ke Mekah melalui dataran tinggi dan berhenti di Al-Hujun

Strategi yang bijak dan teliti oleh Rasulullah telah berjaya melemahkan kekuatan Musyrikin Mekah

Kekuatan akidah yang ditanam oleh Rasulullah kepada ummat Islam menyebabkan mereka yakin kepada Allah

Sebahagian **pembesar Mekah** telah **meninggal dunia** sebelum pembukaan Kota Mekah seperti Abu Jahal



KESAN PEMBUKAAN KOTA MEKAH

1. Ramai Musyrikin Mekah memeluk Islam
2. Umat Islam dapat menunaikan ibadah tanpa gangguan orang kafir
3. Tanah Haram Mekah menjadi kawasan larangan bagi orang bukan Islam
4. Masyarakat arab saling bekerjasama dan hidup aman damai
5. Dakwah Islam dijalankan secara meluas dan berkembang pesat

PENGAJARAN PEMBUKAAN KOTA MEKAH

FORMULA INGAT TAHUN PEMBUKAAN KOTA MEKAH:

KIRA JUMLAH HURUF JAWI DALAM PERKATAAN قَمْبُوكَاءَن
ADA 8 HURUF = 8 HIJRAH

PEMBUKAAN KOTA MEKAH juga dikenali sebagai فَتْحُ مَكَّةَ

1

Kekuatan perlu ditonjolkan apabila diperlukan

2

Menjaga syiar Islam seperti melaungkan azan

3

Perbalahan akibat dendam amat merugikan kedua-dua pihak

4

Memaafkan kesalahan orang lain merupakan amalan terpuji

5

Memberi pilihan dalam membuat keputusan adalah perbuatan yang terbaik

•KAF•

ustazahsyahirah
@kskbj_phg

PECUTAN 9A UPKK

PERISTIWA SEBELUM KEWAFATAN RASULULLAH

Setelah dakwah Islam sempurna dan Islam tersebar meluas, terdapat **tanda-tanda** Rasulullah hampir kepada **kewafatan**.

Baginda menunaikan **Haji Wida'(perpisahan)** pada tahun **ke-10 Hijrah**. Di **Padang Arafah**, baginda telah menyampaikan **khutbah**.

Setelah selesai menyampaikan khutbah, turun firman Allah dalam Al-Quran iaitu **ayat 3 dari Surah Al-Maidah**.

Namun, isteri-isteri baginda **memberi peluang** kepada baginda untuk membuat pilihan untuk tinggal di rumah isteri yang mana. **Rumah Aishah** pilihan baginda.

Baginda mulai sakit pada **akhir Safar tahun ke-11 Hijrah**. Ketika sakit, baginda masih bergilir-gilir pergi ke rumah isteri-isterinya seperti biasa.

Saidina **Umar Al-Khatab** menangis setelah mendengarnya. Beliau berkata, "Sesungguhnya setelah kesempurnaan itu akan berlaku **pengurangan**."

Semasa sakit, baginda **tidak mampu** untuk keluar solat bersama orang ramai. **Saidina Abu Bakar** menjadi imam sebanyak **17 kali** menggantikan baginda.

Apabila **demam berkurangan**, baginda pergi ke masjid untuk **menunaikan solat subuh** berjemaah. Baginda solat **diimami oleh Abu Bakar As-Siddiq**.

Selepas solat, baginda berkhutbah. Antara isi khutbah tersebut ialah

1. **Menghalalkan apa yang dihalalkan dalam Al-Quran**
2. **Mengharamkan apa yang diharamkan dalam Al-Quran**
3. **Berpegang teguh pada Al-Quran**

PERISTIWA SEMASA KEWAFATAN RASULULLAH

- Kesihatan Rasulullah **terganggu semula**. Badan baginda mulai panas dan keadaan itu berlarutan selama beberapa hari.
- **Para sahabat** dan ahli keluarga berasa **sangat bimbang** dengan keadaan baginda. Para sahabat mengelilingi baginda yang sedang tenat.
- Setelah para sahabat keluar dari bilik pembaringan baginda, isteri baginda iaitu **Saidatina Aishah** bersama puteri baginda, **Fatimah** meluru **masuk**.
- Fatimah **menangis** melihat keadaan ayahandanya yang begitu tenat. Lantas **baginda memujuk** puteri kesayangan baginda itu supaya jangan menagis.
- Pujukan itu diterima oleh Fatimah dengan tenang, namun sayu dan sedihnya tidak dapat dihapuskan.
- Rasulullah berpesan kepada Saidatina Aishah supaya **6 keping dinar disedekahkan**.
- Setelah itu baginda **berdoa**, "Ya Allah, ampunilah dosaku dan rahmatilah aku. Pertemukanlah aku dengan kekasih Yang Maha Tinggi Ya Allah, Kekasih Yang Maha Tinggi."
- Menitis air mata Saidatina Aishah, sayu dan hiba lalu **meriba kepala baginda**. Rasulullah **wafat di atas pangkuan isteri kesayangannya, Saidatina Aishah**.



REAKSI SAHABAT SELEPAS KEWAFATAN RASULULLAH

Berita kewafatan Rasulullah yang memilukan itu **tersebar luas**. Suasana **muram** menyelubungi persada Madinah dan ceruk daerahnya. Pada awalnya perkhabaran duka itu **tidak dapat diterima** oleh **Saidina Umar Al-Khatab**. Beliau **bangun sambil menghunuskan pedangnya** sambil berkata, "Sesiapa yang menyangka bahawa Rasulullah sudah wafat mesti **dipotong tangan dan kaki mereka**."

Saidina Abu Bakar As-Siddiq tiba di rumah Rasulullah dan terus memasuki bilik Saidatina Aishah. Beliau membuka kain penutup wajah Rasulullah lantas terus memeluk jasad dan mencium wajah baginda sambil menangis.

Kemudian, beliau keluar menemui para sahabat dan orang ramai lalu memberi ucapan, "**Wahai manusia, sesiapa antara kamu yang menyembah Muhammad, sesungguhnya Muhammad telah mati dan sesiapa yang menyembah Allah, sesungguhnya Allah itu Maha Hidup dan tidak akan mati**." Kemudian beliau menyambung ucapannya dengan membaca firman Allah dari **Surah Ali Imran, ayat 144**. Mendengar ucapan tersebut barulah Saidina Umar dan orang ramai **mula menerima** kenyataan bahawa Rasulullah telah tiada.

Pada hari **Selasa**, saudara dan keluarga Rasulullah **memandikan** jenazah baginda **tanpa melepaskan kain** yang menyelubunginya. Kemudian mereka **mengkafkan** jasad baginda dengan **3 lembar kain kapas tanpa menyertakan pakaian atau pun penutup kepala**. Baginda **disemadikan** di dalam **rumah Saidatina Aishah**, di tempat baginda wafat.

Selepas kewafatan Rasulullah, kaum Ansar dan Muhajirin **bermesyuarat** di Balai **بَيْتِ سَاعِدَةَ** untuk **melantik khalifah** bagi memimpin umat Islam. **Saidina Umar Al-Khatab mencadangkan** Abu Bakar As-Siddiq menjadi khalifah. Semua yang hadir **bersetuju** dan mereka melakukan **bai'ah** dengan **Abu Bakar As-Siddiq**.

IKTIBAR DARI KEWAFATAN RASULULLAH

1. Al-Quran dan As-Sunnah adalah sumber hukum
2. Sihat atau sakit adalah lumrah kehidupan
3. Menghargai pengorbanan dan perjuangan Rasulullah
4. Solat wajib ditunaikan dalam keadaan sihat atau sakit
5. Redha dengan ketentuan Allah kerana ada hikmah disebaliknya
6. Sistem Syuro diteruskan dalam pemerintahan
7. Meyakini Allah bersifat kekal, tiada permulaan @ pengakhiran

RASULULLAH WAFAT PADA :-

- WAKTU DHUHA
- HARI ISNIN
- 12 RABIUL AWWAL 11 HIJRAH
- USIA 63 TAHUN



KETOKOHAN RASULULLAH DALAM KELUARGA

❖ Rasulullah telah menunjukkan contoh teladan yang terbaik dalam pembentukan keluarga yang harmoni. Antara sikap baginda terhadap keluarga yang perlu dicontohi adalah :-

- ✓ Lemah lembut
- ✓ Adil
- ✓ Pengasih
- ✓ Penyayang
- ✓ Sabar dalam mendidik
- ✓ Memberi nasihat dengan hikmah
- ✓ Membantu isteri-isteri dalam urusan rumah tangga

Contoh : Menjahit baju sendiri, membaiki selipar sendiri, melakukan kerja-kerja yang biasa dilakukan oleh orang lelaki di rumah

- ✓ Berlapang dada dan memaafkan

Contoh : Rasulullah tidak memarahi malah memaafkan cucu-cucu baginda yang masih kecil pada waktu itu iaitu Hassan dan Hussin yang memanjat ke atas belakang baginda ketika baginda sedang sujud.

KETOKOHAN RASULULLAH DALAM BERSOSIAL

❖ Antara sikap Rasulullah dalam bersosial ialah :-

- ✓ Tawadhuk (merendah diri) dan tidak takbur.
- ✓ Bergaul dengan semua lapisan masyarakat tanpa mengira status dan kedudukan.
- ✓ Selalu menziarahi golongan miskin
- ✓ Menyayangi anak yatim

❖ Dengan akhlak yang terpuji ini, ramai yang tertarik hati untuk memeluk Islam.



KETOKOHAN RASULULLAH DALAM PERILAKU SEHARIAN

- ❖ Rasulullah memiliki sifat **pemaaf** yang tiada tolok bandingnya.
- ✓ Sifat pemaaf baginda dapat dibuktikan melalui peristiwa دُعْثُور yang ingin membunuh Rasulullah Ketika baginda berehat di sebatang pokok dalam peperangan غَطَّافَان. Rasulullah dapat merampas pedang dari tangan Du'sur tetapi baginda tidak marah malah memaafkan Du'sur. Sifat baginda ini telah mendorong Du'sur untuk memeluk Islam.
- ❖ Rasulullah juga mengamalkan sifat **toleransi** dalam kehidupan seharian.
- ✓ أَنَسُ بْنُ مَالِكٍ berkhidmat sebagai pembantu Rasulullah sejak kecil. Baginda melayan Anas dengan baik. Pada suatu hari, baginda meminta Anas menyelesaikan satu tugas. Semasa dalam perjalanan untuk menyelesaikan tugas tersebut, Anas bertemu dengan kanak-kanak yang sedang bermain di pasar. Tiba-tiba Rasulullah memegang tengkuk Anas dari belakang. Beliau menoleh ke arah baginda yang sedang tersenyum sambil mengingatkannya agar menyelesaikan tugas yang diberikan. Rasulullah tidak memarahi Anas sebaliknya bertoleransi dalam situasi tersebut. Sifat ini menjadikan mereka yang memusuhi Islam berasa kagum dan gerun kepada baginda.

PENGAJARAN KETOKOHAN RASULULLAH

Sifat toleransi berjaya melahirkan masyarakat yang harmoni, bersatu padu dan maju

Pemimpin keluarga menjadi contoh teladan yang baik kepada ahli keluarga

Sabar dan berlapang dada apabila berlaku perkara yang tidak disenangi

Sifat berkasih sayang asas pembentukan keluarga yang harmoni

Mengasihi anak yatim amalan mulia di sisi Islam

Sifat takbur dan sombong dibenci Allah



KRONOLOGI PERISTIWA DALAM SIRAH RASULULLAH SAW


BIL	SEBELUM HIJRAH
1.	Tentera bergajah yang dipimpin oleh Abrahah datang ke Mekah untuk meruntuhkan Kaabah
2.	Kewafatan ayahnya, Abdullah ketika baginda dalam kandungan ibunya
3.	Kelahiran Rasulullah pada waktu subuh, hari Isnin, 12 Rabiul Awwal Tahun Gajah di rumah Abdul Muthalib yang terletak di Kota Mekah
4.	Dijaga oleh ibu susuan sehingga berusia 5 tahun
5.	Ibunya, Aminah meninggal dunia ketika berusia 6 tahun
6.	Datuknya, Abdul Muthalib meninggal dunia ketika berusia 8 tahun
7.	Mula berniaga bersama bapa saudaranya, Abu Thalib ketika berusia 9 tahun
8.	Mengikut Abu Thalib berniaga ke Syam ketika berusia 12 tahun
9.	Mengetuai rombongan dagangan ke Syam dan berkahwin dengan Saidatina Khadijah ketika berusia 25 tahun
10.	Mula berkhawat/mengasingkan diri di Gua Hira' ketika berusia 38 tahun
11.	Menerima wahyu pertama ketika berusia 40 tahun, 17 Ramadan bersamaan 6 Ogos 610 Masihi
12.	Berdakwah secara rahsia selama 3 tahun
13.	Berdakwah secara terbuka di Bukit Safa
14.	Umat Islam berhijrah ke Habsyah kali pertama
15.	Umat Islam berhijrah ke Habsyah kali kedua
16.	Kematian Abu Thalib dan Saidatina Khadijah
17.	Berdakwah ke Taif pada bulan Syawal tahun ke-10 kerasulan (619 Masihi)
18.	Israk Mikraj dan pensyariatan solat pada 27 Rejab 621 Masihi
19.	Memulakan hijrah ke Madinah pada malam 27 Safar tahun ke-14 kerasulan ketika berusia 53 tahun
20.	Tiba di Quba' pada 8 Rabiul Awwal tahun ke-14 kerasulan
21.	Tiba di Madinah pada 12 Rabiul Awwal tahun ke-14 kerasulan

KAFAN

ustazahsyahirah
@kskbj_phg

PECUTAN 9A UPKK

BIL	SELEPAS HIJRAH
1.	Mewujudkan Piagam Madinah dan mempersaudarakan Muhajirin dan Ansor pada 1 Hijrah
2.	Pembinaan Masjid An-Nabawi serta pensyariatan azan pada 1 Hijrah
3.	Perang Badar pada 17 Ramadan 2 Hijrah
4.	Pensyariatan Puasa dan Zakat pada 2 Hijrah
5.	Perang Uhud pada Syawal 3 Hijrah
6.	Perang Khandak pada Syawal 5 Hijrah
7.	Perjanjian Hudaibiyah pada Zulkaedah 6 Hijrah
8.	Pembukaan Kota Mekah pada 10 Ramadan 8 Hijrah
9.	Pensyariatan Haji pada tahun 9 Hijrah
10.	Haji Wida' (perpisahan) & Khutbah terakhir di Padang Arafah pada 10 Hijrah - Rasulullah menunaikan haji hanya sekali seumur hidup baginda
11.	Mulai sakit pada akhir bulan Safar 11 Hijrah
12.	Kewafatan Rasulullah pada waktu dhuha hari Isnin, 12 Rabiul Awwal 11 Hijrah ketika berusia 63 tahun - solat terakhir adalah solat subuh




Apakah peristiwa yang berlaku dalam bulan Ramadan?
Ingat formula : -
Wahai Nur, Bak Pemadam!

Wahai = Wahyu Pertama
Nur = Nuzul Quran
Bak = Badar (perang badar)
Pemadam = Pembukaan Kota Mekah

Apakah peristiwa yang berlaku dalam bulan Syawal?
Ingat formula : -
The United Kingdom

T = Taif (hijrah & dakwah)
U = Uhud (perang uhud)
K = Khandak (perang khandak)



Dipersaudarakan oleh Rasulullah ketika baginda sampai ke Madinah dalam peristiwa hijrah

KEISTIMEWAAN KOTA MEKAH

- ✓ Kota suci umat Islam
- ✓ Tempat kelahiran Rasulullah
- ✓ Terdapat Kaabah Baitullah
- ✓ Terdapat Masjidil Haram

KEISTIMEWAAN KOTA MADINAH

- ✓ Kota suci umat Islam
- ✓ Tempat penghijrahan Rasulullah
- ✓ Terdapat Maqam Rasulullah
- ✓ Terdapat Masjidin Nabawi

1. Abdullah bin Abdul Muthalib - Bapa Rasulullah
2. Abdullah bin Uraiqit - Penunjuk jalan hijrah ke Madinah
3. Abdullah bin Abu Bakar - Pemberi maklumat pergerakan musuh
4. Abdullah bin Jabir - Ketua pemanah perang Uhud
5. Abdullah bin Ubai - Ketua orang munafik
6. Abdullah bin Zaid Al-Ansori - Bermimpi dan mengajarkan Bilal laungan azan

Abdullah
ada
berapa??

SURAH-SURAH TUMPUAN DALAM SIRAH RASULULLAH SAW

BIL	NAMA SURAH	PERISTIWA
1.	Surah Al-Alaq Ayat 1-5	Wahyu pertama di Gua Hira'
2.	Surah Al-Muddassir Ayat 1-7	Perintah dakwah secara rahsia
3.	Surah As-Syuara' Ayat 214	Perintah dakwah secara terbuka - seruan kepada keluarga terdekat
4.	Surah Al-Hijr Ayat 89	Perintah dakwah secara terbuka - seruan kepada orang ramai di Bukit Safa
5.	Surah Al-Masad Ayat 1-5	Allah mencela Abu Lahab dan isterinya kerana menghalang dakwah baginda
6.	Surah Al-Qamar Ayat 1-5	Peristiwa mukjizat Rasulullah - bulan terbelah dua
7.	Surah Al-Isra' Ayat 1	Peristiwa mukjizat Rasulullah - Israk Mikraj
8.	Surah Yaasiin Ayat 9	Nabi membacanya ketika mencampakkan tanah dalam genggamannya ke arah musuh yang mengepung rumahnya dalam peristiwa hijrah ke Madinah
9.	Surah Al-Maidah Ayat 3	Wahyu terakhir yang dibaca oleh baginda dalam khutbah yang terakhir di Padang Arafah

1. Abu Thalib

Bapa saudara Rasulullah - yang menjaga dan menyokong Rasulullah

2. Abu Lahab

Bapa saudara Rasulullah - yang menentang dakwah Rasulullah

3. Abu Bakar As-Siddiq

Sahabat karib dan bapa mentua Rasulullah - khalifah pertama

4. Abu Ayub Al-Ansori

Pemilik rumah tempat Rasulullah tinggal buat sementara ketika baginda tiba di Madinah - unta baginda berhenti di hadapan rumahnya

5. Abu Jahal

Ketua tentera Musyrikin Perang Badar - terbunuh dalam Perang Badar

6. Abu Sufyan

Ketua tentera Musyrikin Perang Uhud dan Khandak - Beliau memeluk Islam pada malam Pembukaan Kota Mekah

7. Abu Dujanah

Sahabat yang berani menyahut cabaran Rasulullah untuk menghayunkan sebilah pedang yang tajam ke tubuh musuh sehingga bengkok. Beliau mempunyai ikatan kepala berwarna merah, memberi isyarat apabila beliau memakainya orang ramai akan tahu bahawa dia akan berperang sampai mati (syahid)


7 orang

'ABU'

yang

perlu

diingat



• KAF •

ustazahsyahirah
@kskbj_phg

PECUTAN 9A UPPK

MARI KENALI BAPA SAUDARA RASULULLAH :

1. ABU THALIB BIN ABDUL MUTHALIB - menjaga baginda selepas kematian datuknya dan menyokong perjuangan dakwah baginda.
2. ABU LAHAB BIN ABDUL MUTHALIB - sangat sayang kepada Rasulullah semasa baginda kecil tetapi menjadi penentang dan membenci Rasulullah setelah baginda membawa ajaran Islam.
3. HAMZAH BIN ABDUL MUTHALIB - digelar 'Asadullah' yang bermaksud 'singa Allah'. Beliau syahid dalam peperangan Uhud.
4. AL-ABBAS BIN ABDUL MUTHALIB - memberi maklumat kepada Rasulullah tentang kafir Quraisy melalui utusannya. Beliau memeluk Islam sebelum peristiwa Pembukaan Kota Mekah.

KEKELIRUAN TENTANG 'BANI' YANG TERLIBAT DALAM SIRAH RASULULLAH.

Bani bermaksud suku kaum @ keturunan

2 peristiwa yang melibatkan BANI ialah :

▪ PERISTIWA PERANG KHANDAK:-

- ✓ YAHUDI BANI NADHIR
- ✓ YAHUDI BANI QURAIZAH

*** kedua-duanya adalah kaum YAHUDI yang mengkhianati perjanjian (PIAGAM MADINAH) dengan Rasulullah.

▪ PERISTIWA PEMBUKAAN KOTA MEKAH :-

- ✓ BANI BAKAR (jahat) 🍌 MUSYRIKIN MEKAH
- ✓ BANI KHUZA'AH (baik) 🍌 RASULULLAH

*** kedua-duanya adalah masyarakat arab yang tinggal dalam kawasan Mekah.

Formula Ingat SIFAT WAJIB bagi Rasulullah :

"FAST"

F = FATHONAH
A = AMANAH
S = SIDIQ
T = TABLIGH

SUMBER HUKUM DAN PANDUAN UMAT ISLAM :

- 1) AL-QURAN
- 2) AS-SUNNAH @ HADIS

ANTARA ISI KANDUNGAN KHUTBAH TERAKHIR DI PADANG ARAFAH

FORMULA : 1 IMAN 4 ISLAM

- ✓ Beriman kepada Allah
- ✓ Tunaikan solat
- ✓ Tunaikan puasa
- ✓ Tunaikan zakat
- ✓ Tunaikan haji

Mukjizat terbahagi kepada 2 bahagian:

1. Mukjizat HISSI (he see - dia nampak)
 - ✓ Mukjizat yang BOLEH dilihat
 - Contoh : Bulan terbelah dua
2. Mukjizat MAKNAWI
 - ✗ Mukjizat yang TIDAK BOLEH dilihat
 - Contoh : Israk Mikraj

TUJUAN RASULULLAH DIUTUSKAN :

- 1) Menyeru manusia beriman kepada Allah
- 2) Membaiki akhlak ummat manusia
- 3) Membawa rahmat ke seluruh alam

MASJID YANG DIBINA OLEH RASULULLAH :

- Masjid Quba'
- Masjid Nabawi




CATATAN



ustazahsyahirah
@kskbj_phg

PECUTAN 9A UPKK



KAFA | KELAS AL-QURAN
DAN FARDU AIN

